

# PM mahu saintis cari kekuatan sendiri

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu kumpulan saintis tempatan berusaha mencari kekuatan sendiri untuk membolehkan Malaysia bersaing dalam bidang sains dan teknologi di arena antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, ketika ini kajian dalam bidang sains dan teknologi terbahagi kepada lebih 1,000 cabang tumpuan kajian dan jumlah itu terlalu besar untuk negara membina kekuatan.

Beliau berkata, saintis negara perlu mencari beberapa bidang penyelidikan yang dapat memberi kelebihan kepada negara untuk mengatasi pesaing.

"Kekayaan biodiversiti Malaysia berada di kedudukan keempat dan ini boleh menjadi tumpuan menerusi

bioteknologi. Walaupun kita baru dalam bioteknologi, kita boleh berjaya jika kita memperhebat usaha.

"Kita mesti mencari kekuatan dan mencapai kekuatan yang tidak boleh disaingi oleh orang lain," katanya berucap kepada lebih 2,000 pensyarah universiti awam dan swasta dari seluruh negara di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed; Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan beberapa menteri Kabinet serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Pada sidang media selepas mengadakan dialog tertutup dengan mereka yang hadir pada majlis itu, Perdana Menteri mahu semua universiti tempatan mengadakan jaringan ker-

BT-26/4/2006  
jasama penyelidikan serta mengutamakan pembangunan modal insan.

Abdullah berkata, beliau memberi penekanan kepada aspek modal insan kepada pihak IPT supaya semua aspek pembangunan yang dijalankan boleh dijayakan dengan baik.

Katanya, tanpa modal insan, rancangan pembangunan yang terbaik sekali pun tidak berjaya termasuk menggerak pembangunan negara.

"Melalui penekanan kepada modal insan ini juga akan dapat melahirkan generasi yang serba boleh sebagai penerus misi nasional ke arah mencapai Matlamat Wawasan 2020.

"Generasi muda sekarang perlu digilap kerana kumpulan ini menjadi penggerak sebuah negara maju dalam tempoh 14 tahun lagi," katanya.

Beliau juga mahu pihak IPT memastikan tenaga pengajar secukupnya dan memberi penekanan R&D.

Mengulas isu lain, Abdullah berkata, alam sekitar seperti sumber air dan tumbuh-tumbuhan yang bernilai berbilion ringgit musnah dalam kerakusan manusia mengejar pembangunan negara selama ini.

Katanya, sebahagian pokok yang dimusnahkan itu pupus dan tidak dapat dikembalikan lagi manakala sebahagian lagi alam sekitar terpaksa dipulihkan walaupun memerlukan perbelanjaan besar.

Beliau berkata, beberapa sungai dan tasik juga terlalu bertoksik menyebabkan kerajaan terpaksa berbelanja berpuluh juta ringgit bagi memulihkannya.